

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG]

TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 69

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan impak terhadap penambahan laluan penerbangan bagi Kuala Lumpur ke Sarawak terutamanya Kuala Lumpur-Sibu dan Johor-Sibu pada musim perayaan Gawai dan Raya baru-baru ini berbanding dengan impak terhadap penambahan laluan penerbangan bagi laluan yang sama pada masa perayaan Tahun Baru Cina 2019 dan apakah rancangan Kerajaan untuk memastikan harga tiket penerbangan domestik juga lebih rendah/mampu dibeli oleh mereka yang ingin balik ke kampung pada musim-musim perayaan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat sebanyak 25 penerbangan tambahan bagi laluan Kuala Lumpur-Sibu dan 37 penerbangan tambahan bagi laluan Johor Baharu-Sibu semasa Hari Gawai dan Hari Raya Aidilfitri tahun ini, berbanding semasa Tahun Baru Cina tahun ini yang mana terdapat sebanyak 32 penerbangan tambahan bagi laluan Kuala Lumpur-Sibu dan 25 penerbangan tambahan bagi laluan Johor Baharu-Sibu Yang telah diluluskan oleh Suruhanjaya Penerbangan Awam Malaysia (MAVCOM).

2. Untuk makluman, pada masa ini hanya terdapat dua syarikat penerbangan yang beroperasi bagi laluan Kuala Lumpur-Sibu iaitu Malaysia Airlines Berhad (MAB) dan AirAsia Berhad. Manakala, hanya AirAsia sahaja yang beroperasi bagi laluan Johor Bharu-Sibu.

3. Hasil pemantauan yang dijalankan oleh MAVCOM mendapati bahawa impak penambahan laluan penerbangan semasa Hari Gawai dan Hari Raya Aidilfitri tahun ini terhadap purata harga tambang bagi laluan Kuala Lumpur-Sibu dan Johor Baru-Sibu adalah seperti berikut:

Laluan Kuala Lumpur-Sibu

- (i) purata harga tambang AirAsia mengalami penurunan sebanyak 25% sehingga 56% berbanding tempoh musim perayaan yang sama bagi tahun 2018; dan
- (ii) purata harga tambang MAB mengalami peningkatan sebanyak 57% sehingga 67% bagi tempoh yang sama tahun lalu.

Laluan Johor Baru-Sibu

- (iii) harga tambang AirAsia mengalami penurunan sebanyak 26% sehingga 56% jika ditempah pada waktu-waktu yang tertentu.

4. Secara perbandingannya, hasil pemantauan yang dijalankan oleh MAVCOM semasa Tahun Baru Cina pada tahun ini mendapati bahawa, impak penambahan laluan penerbangan terhadap purata harga tambang bagi laluan Kuala Lumpur-Sibu dan Johor Baru-Sibu adalah seperti berikut:

Laluan Kuala Lumpur-Sibu

- (i) purata harga tambang AirAsia mengalami penurunan sebanyak 24.7% sehingga 57% berbanding tempoh musim perayaan yang sama bagi tahun 2018; dan
- (ii) purata harga tambang MAB mengalami peningkatan sebanyak 57.5% sehingga 67.6% bagi tempoh yang sama tahun lalu.

Laluan Johor Baru-Sibu

(iii) purata harga tambang AirAsia mengalami penurunan sebanyak 19.8% sehingga 52.5% .

5. Peningkatan harga tambang oleh MAB berkemungkinan disebabkan oleh faktor ketidakseimbangan antara penawaran dan permintaan terhadap perkhidmatan penerbangan yang disediakan oleh syarikat penerbangan tersebut. Sehubungan itu, bagi musim perayaan yang akan datang, syarikat penerbangan berkenaan akan diminta supaya menambah kekerapan penerbangan bagi laluan berkenaan.

6. Selain itu, perbezaan harga ini juga mungkin disebabkan oleh perbezaan model perniagaan yang diguna pakai oleh kedua-dua syarikat penerbangan MAB dan AirAsia Berhad iaitu yang berkonsepkan perkhidmatan tambang penuh (*full service carrier*) dan perkhidmatan tambang murah (*low cost carrier*).

7. Sehubungan ini, pihak Kerajaan akan terus menggalakkan dan memudahcara semua syarikat penerbangan negara untuk menambah bilangan penerbangan sempena musim perayaan. Dengan mengambil pendekatan untuk menambah bekalan (*supply*) kepada para pengguna, maka permintaan (*demand*) yang besar dapat dipenuhi dan harga tambang dapat dikawal tanpa perlu campur tangan Kerajaan untuk menetapkan harga siling dan harga lantai dalam bentuk peraturan atau arahan.

8. Dalam hubungan ini, Kerajaan akan terus memantau harga tiket kapal terbang dan sekiranya terdapat unsur manipulasi harga atau penetapan harga yang melampau oleh syarikat penerbangan, maka Kementerian Pengangkutan melalui agensi penguatkuasaanya, MAVCOM, akan menyiasat dan mengambil tindakan sewajarnya untuk melindungi pengguna serta memastikan wujudnya persaingan yang sihat di kalangan pemain industri penerbangan dalam negara. Sekian, terima kasih.